

Infad pusat sehati fatwa

ABDUL Samat yang juga Pemangku Pengarah Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (Infad) turut menyentuh keunikan institusi yang merupakan pelopor dalam bidang pengurusan fatwa bertaraf antarabangsa, melalui kajian dan penyelidikannya yang bersifat global dan intelektual.

Penubuhan Infad pada 26 Mei 2003 membuktikan kesungguhan KUIM menubuhkan beberapa pusat kecemerlangan bagi memartabatkan tradisi keilmuan Islam negara dan di peringkat antarabangsa.

Beliau menegaskan, institusi ini bukan bertindak sebagai badan yang mengeluarkan fatwa malah tidak sekali-kali mengambil alih tugas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan dan Negeri.

Sebaliknya, ia berperanan mengkaji dan menyelidik berhubung fatwa yang dikeluarkan, bukan sahaja di Malaysia malah dari seluruh dunia.

Menurut beliau lagi, setakat ini tidak ada institut di negara-negara luar yang berperanan sebagai pusat sehati kepada penyelidikan dan pengumpulan maklumat berkaitan fatwa.

"Oleh itu, kami berusaha mewujudkan Sistem Pengurusan Fatwa (FMS) yang boleh menjadi contoh pengurusan yang baik. Idea-idea baru dan pengalaman dari negara lain diyakini akan memantapkan lagi aspek pengurusan," ujarnya.

FMS adalah sistem pengurusan maklumat untuk memperluaskan Infad dengan peralatan, berasaskan pengetahuan holistik bagi pelaksanaan penyelidikan dan pengurusan fatwa sedunia.

"Ia akan memudahkan para penyelidik, badan yang mengeluarkan fatwa, para ulama, pelajar, badan korporat dan orang awam mendapatkan maklumat dan membuat kajian berkaitan isu fatwa," terangnya kini terdapat 8,000 koleksi fatwa di FMS.

FMS akan menggabungkan beberapa ciri contohnya, usaha sama, pengurusan kandungan, pencarian data, akses pelbagai peringkat, transaksi terjamin, pendigitalan, penadualan dan penerbitan bagi memenuhi keperluan Infad.

Selain itu, FMS juga akan menggabungkan peralatan untuk mengesan surah-surah al-Quran dan hadis yang diguna pakai oleh

sesuatu fatwa, biografi cendekiawan, peristiwa yang menyebabkan pengeluaran fatwa dan perbandingan antara fatwa dari pelosok yang berlainan di dunia.

Dengan adanya kerjasama antara Infad dan para mufti serta jabatan mufti seluruh negara, satu koleksi fatwa yang lengkap akan dapat diwujudkan di bawah Infad.

Ia akan menjadi pusat rujukan maklumat fatwa yang terunggul di Malaysia dan peringkat antarabangsa pada masa akan datang.

Pada masa sekarang, Infad giat menjalankan penyelidikan dengan fokus kepada pengurusan fatwa di Malaysia dan negara-negara Asean seperti Singapura, Indonesia, Kemboja dan Brunei, sebelum bergerak ke negara-negara lain.

Selain jalinan kerjasama dengan Jabatan Mufti untuk membangunkan Sistem Pengurusan Fatwa, Infad juga dalam proses akhir menyiapkan modul latihan formal kepada pegawai yang terlibat dengan soal fatwa.

"Kita juga menggunakan khidmat penyelidikan KUIM dan fellow penyelidik dalam dan luar negara yang berpengalaman. Infad juga baru menerima seorang Penolong Pendaftar dan pegawai IT yang bertanggungjawab mengemaskini maklumat dan merancang FMS agar dapat bergerak aktif seiring senario persoalan fatwa di Malaysia yang semakin mencabar," ujar beliau.

Organisasi Infad didokong oleh lapan bahagian, iaitu Bahagian Penyelidikan, Bahagian Penerbitan, Bahagian Perundingan dan Khidmat Kepakaran, Bahagian Seminar dan Wacana, Bahagian ICT dan Sistem Pengurusan Fatwa, Bahagian Perhubungan dan Rangkaian Antarabangsa, Bahagian Sumber dan Dokumentasi dan Bahagian Pembangunan Ijtihad.

"Infad juga dalam proses menerbitkan sebuah jurnal pengurusan dan penyelidikan, yang memuatkan kajian dan artikel ilmiah berkaitan fatwa. Selain itu, turut menerbitkan Prosiding Seminar dan menerbitkan Buletin Infad yang diterbitkan tiga kali setahun.

"Terbaru, Infad akan menganjurkan Seminar Pengurusan Fatwa Peringkat Asean dan insya-Allah, tidak lama lagi akan mengadakan pula Seminar *Manhaj* (Metodologi) Pengeluaran Fatwa. Ia memfokuskan tentang kajian bagaimana pengeluaran sesuatu fatwa dilakukan," kata Abdul Samat.

KUIM-UUM lancar Portal & SMU

HARI ini KUIM melancarkan Sistem Maklumat Univesiti (SMU) bersepadu menerusi konsep Projek Perkongsian Pintar dengan Universiti Utara Malaysia (UUM). Projek SMU ini memudahkan pengurusan universiti dan warga kampus memperoleh maklumat sama ada berkaitan akademik atau sebaliknya, sekali gus membantu KUIM membangunkan modal insan.

Pengarah Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM), Prof. Dr. Kamaruzzaman Seman berkata, projek Perkongsian Pintar SMU KUIM-UUM ini dilaksanakan setelah memeterai Memorandum Perjanjian pada 6 Oktober 2004.

Katanya, ia adalah usaha mumi untuk menyahut seruan kerajaan di mana aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang dilaksanakan secara berkesan dengan agensi kerajaan yang lain dapat dikongsi bersama dalam pelaksanaannya.

"Adalah menjadi amalan IPTA mengadakan projek perkongsian pintar dengan mana-mana agensi dalam pelbagai bidang bagi membuah hasil yang lebih bermutu.

"Projek ini dapat membantu kerajaan mengurangkan kos pelaksanaan dan kompleksiti yang wujud dalam pengurusan universiti. Projek SMU yang berjalan dalam tempoh dua tahun bermula 1 Julai 2004 berjaya membangunkan tujuh aplikasi utama yang menyokong pentadbiran universiti," jelasnya yang ditemui, baru-baru ini.

Sistem-sistem itu ialah Sistem *Munazzim* (Sistem Maklumat Sumber Manusia), Sistem *Al-Maaliyah* (Sistem Maklumat Kewangan dan Perakaunan Bersepadu), Sistem *Al-A'aliyah* (Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar), Sistem *Al-U'lyaa* (Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar), Sistem *Tullabiyah* (Sistem Maklumat HEP), Sistem *Al-Bahthiyah* (Sistem Maklumat Penyelidikan) dan Portal Komuniti KUIM (e-Wadi).

Tambahnya, KUIM membangunkan satu sistem aplikasi web yang menyediakan kemudahan kepada pihak pengurusan universiti untuk mencapai maklumat daripada SMU yang dikenali Sistem Maklumat Eksekutif (MIS) hasil daripada projek ini.

"Sistem ini dapat membantu pihak pengurusan membuat keputusan pantas dan tepat melalui paparan graf dan statistik yang disediakan. Kesemua aplikasi ini beroperasi dalam rangkaian tulang belakang kampus dengan kadar kelajuan 10Gbit sesaat.

"Pembangunan sistem ini adalah sebahagian pelan tindakan di bawah wawasan strategik KUIM ke arah pelaksanaan e-kampus sepenuhnya," katanya.

Majlis pelancaran dilakukan oleh Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi, Datuk Dr. Adham Baba.

